

Manfaatkan MSC bina perisian ringkas — PM

UM 17 JUN 2000

CYBERJAYA 16 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, pemaju perisian perlu memanfaatkan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk membangunkan perisian-perisian ringkas yang boleh digunakan oleh orang ramai, termasuk mereka yang buta komputer.

Menurut Perdana Menteri, dengan membangunkan perisian-perisian sedemikian, beliau yakin MSC dapat berperanan menjadikan seluruh masyarakat celik komputer pada masa depan.

“Saya fikir masanya akan tiba apabila tidak **adalagi** orang yang buta komputer di dunia.

“Inilah masa depan yang kami (Malaysia) bayangkan dengan **adanya** MSC,” katanya ketika berucap merasmikan Pusat Perisian Motorola Malaysia, di **sini** hari ini.

Beliau berkata, **pada** masa sekarang kebanyakan pemaju di Malaysia lebih berminat untuk **mengeluarkan** barangan komponen komputer serta mereka bentuk teknologi berkaitan.

“**Kita** perlu melihat kepada pembangunan perisian ringkas yang boleh digunakan oleh orang ramai dengan **mudah**,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, Motorola boleh membantu dalam **membangunkan** perisian seperti itu **memandangkan** ia adalah sebuah syarikat yang besar dan berpotensi dalam **pembangunan** perisian.

Perdana Menteri juga berkata, MSC akan mencapai kejayaan besar dan ini boleh dilihat daripada perkembangan dalam **pembangunan** infrastruktur serta penyertaan syarikat-syarikat kelas dunia.

Beliau memberitahu, walaupun negara mengalami tempoh buruk pada 1997 dan 1998 akibat kegawatan ekonomi serantau tetapi pembangunan MSC tetap diteruskan dan kerajaan tidak pernah mengurangkan komitmen terhadap MSC.

Hasil kesungguhan kerajaan dalam menjayakan MSC itu, ia telah berjaya menarik syarikat-syarikat kelas dunia melabur di kawasan **tersebut** serta akan menarik lebih **banyak** syarikat gergasi dunia selain syarikat-syarikat baru.

Dalam **sidang** media selenas maulis itu, Perdana Menteri berkata, sehingga kini MSC telah **berjaya** menarik sebanyak 34 syarikat kelas dunia berbanding 50 syarikat yang disasarkan sehingga 2003.

Katanya, sambutan dari syarikat kelas dunia termasuk Motorola itu menunjukkan satu pencapaian yang baik dan beliau gembira dengan perkembangan pembangunan MSC.

“**Banyak** orang berminat hendak menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC. Mereka datang daripada pelbagai syarikat dalam pelbagai segmen,” kata beliau.

Ditanya mengenai sambutan **daripada** kalangan syarikat Jepun, hasil lawatan beliau ke negara itu minggu lepas, Dr. Mahathir **berkata**, terdapat beberapa syarikat **menyatakan** minat untuk menyertai MSC.

Menurutnya, antaranya termasuk syarikat Sumitomo yang **bercadang** untuk melabur dalam bidang perisian serta lain-lain yang **berkaitan**.

“Softbank juga mahu melakukan sesuatu di **sini**. Mereka bejanji untuk datang,” kata **Perdana Menteri**.

Sementara itu, Pengerusi **Eksekutif** Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr. Othman Yeop Abdullah berkata, sebuah syarikat dari Jerman merupakan syarikat kelas dunia terkini yang mendapat status MSC manakala Don Tapscott pula adalah anggota terbaru dalam IAP.

Kata beliau, syarikat dari Jerman berkenaan, Net-Linx AG yang memajukan **direktori** elektronik **serta** pelantar untuk perdagangan elektronik itu akan memindahkan pejabat **operasi** serantanya di Cyberjaya dengan **melaburan** bernilai RM80 juta.

Manakala Tapscott, yang **menjadi** anggota ke-44 IAP merupakan Pengerusi Digital 4Sight dan **Presiden** New Paradigm Learning Corporation yang **juga** pengarang buku best-seller *The Digital Economy*.